

Soalan 1 : Rumusan

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang langkah-langkah memartabatkan seni tekat dan kekangannya. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Seni tekat merupakan warisan kraf tangan yang dihasilkan dengan cara menyulam benang emas ke atas kain dasar jenis baldu. Tekat ini juga dikenali sebagai sulaman timbul atau suji timbul. Asal usul penciptaan dan penggunaan tekstil tekat dianggarkan sama dengan penggunaan tekstil songket berdasarkan kepada bahan asasnya iaitu benang emas, kain baldu, dan juga rekaannya. Tekat dijahit pada mempulur yang dibuat sama ada daripada rotan, buluh atau kertas keras yang telah dibentuk mengikut rekaan diingini seperti bunga dan pokok-pokok. Dalam usaha untuk mengangkat semula seni tekat ini, Persatuan Pembuatan Kraf dan Sulaman Tangan Selangor (Scheme) bekerjasama membina jaringan dalam kalangan pembuat kraf bagi mempromosikan sulaman benang emas itu.

Seterusnya, Persatuan Pembuatan Kraf dan Sulaman Tangan Selangor (Scheme) perlu menganjurkan bengkel kepada generasi muda bagi memastikan seni tekat ini dapat diwariskan kepada mereka. Bengkel ini bertujuan memberi pendedahan kepada anak-anak muda, secara tidak langsung dapat menarik minat mereka untuk menceburi bidang seni kraf tangan ini. Di samping itu, pihak Perbadanan Pelancongan Malaysia perlu mencari medium terbaik bagi memasarkan hasil sulaman seni tekat ini agar dapat memberi motivasi kepada anak-anak muda untuk terus menghasilkan seni tekat yang terbaik dan kreatif. Selain itu, hasil gubahan seni tekat boleh juga dipamerkan kepada masyarakat menerusi kempen pelancongan dan pameran kraf tangan buatan Malaysia yang dijalankan oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia.

Langkah untuk melonjakkan seni tekat ini adalah perlu kerana seni sulaman ini sudah suram dimamah usia sehingga dilupakan oleh generasi muda. Hal ini mungkin disebabkan fungsi seni tekat ini masih terbatas kerana kebiasaannya seni tekat ini digunakan untuk istiadat dan upacara tertentu sahaja. Selain itu, pakaian yang dihias dengan seni tekat ini merupakan pakaian kebesaran bagi kerabat diraja. Penggunaannya dalam kalangan masyarakat biasa agak terbatas kerana bahan asasnya merupakan bahan mewah. Seterusnya, penghasilan seni tekat juga memerlukan waktu yang lama dan memerlukan penjagaan yang rapi. Walau bagaimanapun, *segelintir masyarakat* dan penenun yang masih aktif telah memberi nafas baharu terhadap hasil seni ini sebagai langkah untuk mengangkat kegemilangan seni tekat.

Seorang penenun tekat, iaitu Zarina Mohamed, melihat tekat gubah dari sudut komersial dan berpendapat bahawa kegemilangan seni tekat ini boleh dikembalikan sekiranya penenun menggunakan idea yang kreatif dalam setiap hasil gubahannya. Selain itu, penenun perlu mengilhamkan rekaan yang eksklusif supaya dapat memikat jiwa anak muda. Tambahan pula, olahan seni ini boleh dipelbagaikan mengikut cita rasa, sama ada melalui pemilihan fabrik atau fesyen agar kelihatan lebih anggun, mewah serta unik sejajar dengan permintaan pasaran fesyen moden. Di samping itu, keunikan seni tekat juga boleh ditonjolkan menerusi rangkaian aksesori atau beg tangan sebagai pelengkap. Namun begitu, nilai seni tradisional perlu diterapkan bagi mengekalkan identiti kegemilangan sulaman yang berasal dari Perak ini untuk terus diingati.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Martabat Seni Tekat'
Berita Harian, September 2016

Soalan 2 : Pemahaman

[35 markah]

Soalan 2(a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *segelintir masyarakat*. [2 markah]
- (ii) Dalam petikan, pengarang ada menyatakan bahawa seni tekat semakin dilupakan oleh generasi muda.
Nyatakan alasan-alasan tersebut. [3 markah]
- (iii) Malaysia dikenali dengan kepelbagaian dalam bidang kesenian.
Mengapakah generasi muda perlu mempertahankan seni warisan bangsa yang terdapat di negara kita? [4 markah]

Soalan 2(b) – Petikan Cerpen

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Aku membuat keputusan untuk berjalan bersama-sama dengan Kak Chah, Dr. Liza, Shahmeem, Hajah Zalehon dan Hajah Normah. Nampaknya, agak sukar juga menawar harga barangan yang ingin dibeli. Tiada tanda harga dipamerkan dan harga disebut hanya kepada sesiapa yang bertanya. Setelah singgah di beberapa buah kedai, kami mendapati bahawa perbezaan harga terlalu ketara. Contohnya, ada peniaga menjual rantai kunci dengan harga LT5, LT4, dan LT3 lira, sedangkan aku pernah bertanya kepada peniaga-peniaga kedai kecil di luar Istanbul dan diberitahu bahawa harga rantai kunci itu cuma satu setengah lira! Aku mula berasa menyesal kerana tidak membeli sedikit-sedikit sebelum ini.

Seorang lelaki berbaju-T merah, berjaket kulit hitam, dan berwajah tampan keluar dari sebuah kedai menjual jaket kulit. Dia menyapa ramah.

"Hello lady! Assalamualaikum. Where are you come from? Singapore? Malaysia? We have many leather jackets. Come in. You want to try?"

Aku cuma tersenyum. Sama ada betul atau tidak tatabahasa Inggerisnya, aku tertarik akan keramahannya. Mataku terpaku pada sepasang sarung tangan kulit berwarna hitam di rak cermin. Aku tiba-tiba teringat akan Abang Long yang menunggang motosikal pergi balik kerja. Sekiranya ada sarung tangan kulit, tentu tangan Abang Long tidak terdedah pada terik matahari.

Dipetik daripada cerpen 'Jaket Kulit Kijang dari Istanbul'
oleh Maskiah Haji Masrom
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berdasarkan petikan di atas, aku dan rakan-rakannya terpaksa berhadapan dengan masalah ketika mereka ingin membeli barang.
Kemukakan masalah tersebut. [2 markah]
- (ii) Pengguna bijak akan membeli barangan berkualiti, membuat perbandingan harga, dan membuat pilihan yang tepat.
Pada pendapat anda, bagaimanakah pengguna boleh membuktikan bahawa mereka tergolong dalam golongan pengguna yang bijak berbelanja? [3 markah]
- (iii) Huraikan **satu** pengajaran yang terdapat dalam petikan dan **satu** pengajaran lain daripada keseluruhan cerpen yang tidak terdapat dalam petikan. [4 markah]

Soalan 2(c) – Petikan Prosa Tradisional

Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Syahadan, pada suatu hari, maka Tun Perak datang menghadap, duduk di tanah sama-sama orang banyak. Maka, kata bentara yang bergelar Seri Amerta kepada Tun Perak, “Tuan Tun Perak, segala orang Kelang ini menghadap baginda mengadukan halnya ke bawah Duli Yang Dipertuan. Adapun orang teluk rantau yang lain semuanya menghadap laki-laki juga; adapun orang Kelang ini menghadap dibawa Tun Perak dengan membawa perempuan sekali. Mengapakah maka *demikian fiil tuan?*”

Maka tiada disahuti oleh Tun Perak kata itu. Sekali lagi Seri Amerta berkata, itu pun tiada disahuti oleh Tun Perak. Genap tiga kali Seri Amerta berkata itu, maka barulah disahuti oleh Tun Perak, katanya, “Hai Seri Amerta, tuan hamba dengan pedang tuan hamba sebilah itu juga, hendaklah baik-baik tuan hamba peliharakan, jangan diberi berkarat, jangan kemakanan matanya. Akan pekerjaan kami orang bekerja ini, di mana tuan hamba tahu? Adapun akan sekarang Duli Yang Dipertuan di dalam negeri ini dengan perempuan anak isteri dan segala perkakas. Maka benarkah pada fikir tuan hamba kami sekalian datang dengan laki-laki juga, dengan begini jauh Selat Kelang? Jikalau satu hal negeri ini, apa hisab pada kami sekalian? Sebab itulah maka segala orang Kelang ini hamba suruh bawa anak isterinya sekali. Nescaya berperang dengan musuh bersungguh-sungguh hatinya; kurang-kurang ia berlawanan Duli Yang Dipertuan lebih ia berlawanan anak isterinya bersungguh-sungguh.”

Maka oleh Seri Amerta kata Tun Perak itu semuanya dipersembahkan ke bawah Duli Yang Dipertuan. Maka baginda pun tersenyum, seraya bertitah, “Benar seperti kata Tun Perak itu.”

Dipetik daripada
‘Burung Terbang Dipipiskan Lada’
dalam antologi *Sejadah Rindu*,
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berikan maksud *demikian fiil tuan*. [2 markah]
- (ii) Berdasarkan petikan di atas, apakah pesanan Tun Perak kepada Seri Amerta? [3 markah]
- (iii) Dalam sesuatu peperangan, setiap individu memainkan peranan dalam usaha mempertahankan negara daripada ancaman musuh.
Pada pendapat anda, bagaimanakah kaum wanita boleh memainkan peranan sekiranya berlaku peperangan? [3 markah]

Soalan 2(d) – Puisi Moden

Baca petikan sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Erti Hidup Bererti

Aku selalu didatangi
malam sepi
bagai kalung
yang melingkari leherku
tidak berubah keesokan hari
siapa yang akan datang menjengukku
keluhan seorang tua sunyi.

Keheningan tasik
kehijauan rumput
hanya menjadi bayangan
di penjuru ruang zaman
cinta dalam rahim dilupai
dari sulung ditendang ke bongsu
dari angh ditendang ke sulung balik
kucari erti hidup
menderita mengerang sakit
berdiri tanpa ruang.

Aku bagi mereka
tiada makna
anakku bakaku
baik setia mahupun derhaka
semoga disirami benih keinsafan
menjadi penawar dalam hati
embun cinta atasi angin dingin
jangan terpegun
ada yang mati
ada yang hidup
tiada yang kekal kecuali Tuhan.

Suara Anak Pahang,
Pekan Ilmu Sdn. Bhd., 2009

- (i) Apakah doa yang dipanjatkan oleh penyajak terhadap anak-anaknya dalam rangkap ketiga sajak? [2 markah]
- (ii) Ibu bapa merupakan insan yang paling berjasa dalam hidup seseorang. Pada pendapat anda, sebagai seorang anak bagaimanakah anda dapat membalas jasa ibu bapa anda? [3 markah]
- (iii) Huraikan **dua** nilai yang terdapat dalam sajak tersebut. [4 markah]

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan.

(a) Tulis satu ayat bagi setiap perkataan di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

- (i) berselerak
- (ii) berserabut
- (iii) bergemuruh
- (iv) menjelajah
- (v) menggeletar
- (vi) menggelabah

[6 markah]

(b) Tukarkan ayat aktif di bawah kepada ayat pasif tanpa mengubah maksud asalnya.

- (i) Ketua Taman Desa Mawar menulis surat aduan tentang masalah anjing liar kepada pihak Majlis Daerah Kuala Selangor.
- (ii) Sebelum mendirikan Solat Asar, beberapa orang murid tahfiz telah menyusun kasut-kasut yang bersepah di pintu masuk masjid.
- (iii) Kami menikmati pelbagai jenis hidangan makanan Siam ketika berkunjung di salah satu kedai makan di Hatyai.

[6 markah]

(c) Dalam petikan di bawah, terdapat tiga kesalahan ejaan dan tiga kesalahan penggunaan imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada tiga kesalahan ejaan dan tiga kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

Pada peringkat yang lebih atas dan lebih berotoriti, sudah pun ada kedengaran bahawa permasalahan tersebut akan diberikan perhatian segera dan menyeluruh, apatah lagi setelah Menteri Pendidikan, membuat kenyataan akbar bahawa isu berkenaan memerluan penyelesaian bijaksana. Kementerian Pendidikan menyahut kenyataan tersebut dengan segera turun padang mengikut prosedur pengendalian standard atau rukun tindakan yang telah sediaada, seperti menghantar pegawai untuk dijumpakan dengan guru dan menyantuni keluarga pelajar tersebut.

[6 markah]

(d) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata dan istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Permainan tradisional semakin dilupakan, namun masih terdapat prakarsa untuk terus melestarikan, sekaligus mengembalikan nostalgia atau dikaitkan dengan simbol warisan budaya.
- (ii) Media perlu mengambil langkah utama untuk merakamkan pelbagai tokoh-tokoh remaja yang dapat membimbing remaja lain untuk berjaya.
- (iii) Aktiviti pembelajaran di bilik darjah hendaklah guru rancang dengan mengutamakan inovasi dan kemahiran kritis oleh pelajar sendiri bagi mencapai tujuan dan objektif pembelajaran.

[6 markah]

(e) Baca dialog di bawah dengan teliti dan kemudian nyatakan peribahasa yang sesuai dengan ayat-ayat tersebut.

Dato' Reezal: Wah, cantik sungguh set sofa berasaskan kayu di kedai kamu ini, Yusof! Rekaan kamu yang menggabungkan ukiran kayu yang bermotifkan awan larat ini menjadikan sofa ini kelihatan unik dan klasik. Peribahasa, _____ membuktikan bahawa kamu memang seorang yang cinta akan budaya Melayu.

Yusuf: Betul tu, Dato' Reezal dalam dunia perniagaan ini, kita tidak boleh membuang adat dan budaya yang menjadi jati diri sesuatu bangsa. Janganlah kita terlalu mengagung-agungkan budaya luar hingga budaya sendiri terabai, ibarat _____. Mana-mana yang mendatangkan faedah, harus kita pelihara dengan sebaik-baiknya.

Dato' Reezal: Saya berasa bangga dengan semangat anak muda seperti kamu ini. Dalam dunia perniagaan, memang banyak cabarannya. _____, hadapilah cabaran tersebut dan sentiasa bersikap berani untuk berhadapan dengan sebarang kegagalan.

[6 markah]

Soalan 4 : Novel

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib
- (ii) Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor
- (iii) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- (iv) Jendela Menghadap Jalan karya Rohaini Matdarin
- (v) Tirani karya Beb Sabariah
- (vi) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
- (vii) Silir Daksina karya Nizar Parman
- (viii) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop

- (a) Penggunaan pelbagai jenis teknik plot dalam sesebuah novel memainkan peranan dalam memastikan jalan cerita yang menarik.

Huraikan **dua** peristiwa yang menggunakan **teknik imbas kembali** dalam **sebuah** novel yang anda pelajari.

[7 markah]

- (b) Pengarang sesebuah novel menggunakan pelbagai latar peristiwa untuk menggarap dan membina plot dalam karyanya.

Berdasarkan **dua** buah novel yang telah anda kaji, jelaskan **satu latar masyarakat yang sama** yang terdapat dalam **kedua-dua** buah novel tersebut.

[8 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT